



Marsum (tengah) sempat melihat keadaan bengkel milik Misron (kanan) yang terbakar semalam.

Bengkel besi terbakar, pemilik rugi RM20,000

BUKIT CHANGGANG - Sebuah bengkel besi hampir musnah dalam satu kebakaran di Jalan Intan Kanan, Bukit Changgang, kira-kira jam 8.30 pagi semalam.

Pengusahanya, Misron Miswan, 41, berkata, kejadian berlaku ketika dia sedang bersarapan pagi di sebuah kedai tidak jauh dari bengkelnya.

Menurutnya, dia mendapat panggilan dari jiran memberitahu bengkelnya terbakar sekaligus bergegas ke tempat kejadian.

"Masa tu saya sempat panjat sebuah kenderaan lama di hadapan bengkel sebelum mematikan fuis utama bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku."

"Api merebak cepat sangat...sampaikan semua set mesin welding terbakar."

"Nasib baik seorang

Masa tu saya sempat panjat sebuah kenderaan lama di hadapan bengkel sebelum mematikan fuis utama bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku." - Misron

pekerja saya yang tinggal di bengkel tak ada di situ sebab bekerja di tempat lain," katanya kepada pemberita ketika ditemui di bengkelnya semalam.

Misron turut menerima kunjungan Ketua Umno Bahagian Sepang, Datuk Marsum Paing yang meninjau keadaan bengkelnya itu.

Misron berkata, dia yang mengusahakan bengkelnya sejak 15 tahun lalu itu memberitahu kejadian tersebut adalah pertama kali berlaku.

"Saya fikir kos anggaran

kerugian yang saya tanggung sekitar RM20,000," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Banting, Akmal Azzizi Elias @ Mohd Jaini berkata, beliau menerima panggilan kira-kira jam 8.37 pagi.

"Masa jentera pertama sampai, api memang marak. Bagaimanapun ia berjaya dikawal dari terus merebak ke premis-premis berdekatan dengan keklaitan lapan anggota kita," katanya.

Bagaimanapun, punca kejadian dan jumlah kerugian masih dalam siasatan.

'Terpaksa pusing' sejauh 30 km'

Tujuh ketua kampung mohon laluan alternatif KLIA2-Hulu Chuchoh dibuka kepada 10,000 penduduk kawasan itu

KLIA-Tujuh ketua kampung meminta jasa baik pihak Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) memberi kebenaran untuk menaik taraf laluan pertanian dari KLIA2 ke Kampung Hulu Chuchoh sebagai laluan alternatif kepada 10,000 penduduk kawasan itu.

Difahamkan laluan sejauh tiga kilometer itu hanya digunakan untuk kakitangan KLIA yang menggunakan motosikal sahaja untuk ke tempat kerja.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Hulu Chuchoh, Basir Wagiman berkata, laluan asas memang sudah ada tetapi untuk kegunaan pekerja airport sahaja.

"Kebanyakan penduduk memang harap laluan alternatif dibuka untuk ke pusat bandar tanpa melalui laluan sejauh 30 kilometer."

"Saya difahamkan laluan ini asalnya digunakan untuk penanaman sayur, lepas tu pihak berkenaan buat jalan untuk laluan ribuan pekerja yang bekerja di sana."

"Jadi kalau laluan ini dibuka memudahkan



BASIR



HUSIN

pelbagai pihak terutamanya penduduk kampung yang hendak ke KLIA2 tidak perlulah berpusing jauh," katanya kepada pemberita pada sidang media peminatan tandatangan memohon MAHB membuka jalan dari KLIA2 ke Kampung Hulu Chuchoh, semalam.

Antara penduduk kampung yang terlibat termasuklah dari Kampung Bukit Bangkong, Kampung Hulu Chuchoh, Kampung Hulu Teris, Kampung Sungai Pelek, Jelutong Indah, Tanjung Emas dan Kampung Bagan Lalang.

Pengerusi JKKKP Tanjung Emas Batu 2, Mohd Husin Ismail pula berkata, beliau akan

membantu mendapatkan 10,000 tandatangan bagi merealisasikan impian penduduk kampungnya.

Katanya, selain mendapatkan kemudahan yang selesa, kebanyakan kampung di Sungai Pelek mempunyai tarikan pelancong luar yang sering singgah ke beberapa kampung di situ bagi menikmati keindahan beberapa pantai termasuk Pantai Bagan Lalang.

Sementara itu, Ketua MCA Bahagian Sepang, Datuk Ng Chok Sin berkata, pihaknya melalui Menteri Pengangkutan telah memohon supaya laluan tersebut dibuka kepada hampir 10,000 penduduk di



Chok Sin meminta tandatangan penunggang motosikal yang melalui kawasan tersebut.

INFO • Kempen menandatangani bagi memohon pihak berkenaan membuka jalan tersebut dilancarkan semalam

kawasan itu.

Menurutnya, kempen menandatangani memohon pihak berkenaan membuka jalan tersebut dilancarkan semalam dan menjangkakan dapat mengumpulkan 10,000 tandatangan dalam masa

sebulan.

"Buat masa ini keputusan positif diterima daripada pihak berkenaan untuk membuka laluan tersebut namun perbincangan seterusnya akan diadakan secepat mungkin."

"Malah pelbagai perkara lain termasuk soal keselamatan juga, penyelenggaraan jalan turut dibincangkan pada perjumpaan lalu bersama JKKKP dan pihak MAHB. Kita cadangkan selepas laluan itu dinaik taraf kita minta kampung yang terlibat pantau dan selenggara dengan bantuan sumbangan daripada pihak swasta," katanya.